

# KENYATAAN MEDIA

## PEMBUKAAN JAJARAN SEKSYEN 8 DARI PERSIMPANGAN HUTAN MELINTANG KE PERSIMPANGAN TELUK INTAN DI LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE)

**TELUK INTAN, Jumaat** : Jajaran WCE Seksyen 8 dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) dibuka secara rasmi oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir pada hari ini, bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pengguna, malah bakal memacu aktiviti dan pertumbuhan ekonomi di sekitar kawasan berkenaan.

Seksyen 8 ini adalah sebahagian daripada keseluruhan 12 Seksyen Lebuhraya WCE, iaitu 7 Seksyen di Selangor dan 5 Seksyen di Perak. Pembukaan jajaran Seksyen 8 yang direkabentuk sebagai laluan 2 lorong 2 hala sepanjang 18 kilometer bakal menjadi laluan pintasan kepada penduduk tempatan sekitar Sabak Bernam, Bagan Datok, Hutan Melintang, Teluk Intan dan Sitiawan. Ini berikutan jajaran ini akan dapat memendekkan masa perjalanan dengan anggaran 11 minit berbanding penggunaan laluan FT 005. Selain daripada itu, pengguna disediakan kemudahan awam seperti surau dan bilik air yang terletak bersebelahan Plaza Tol Hutan Melintang dan Plaza Tol Teluk Intan.

Buat masa ini, pembukaan Seksyen 8 daripada keseluruhan seksyen lebuhraya WCE ini bersifat setempat iaitu memberi kemudahan kepada penduduk yang tinggal berhampiran lebuhraya WCE Seksyen 8. Namun begitu, apabila siap sepenuhnya nanti, Lebuhraya WCE bakal menjadi satu sistem penyuraian trafik dan menjadi laluan alternatif kepada Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), terutama ketika musim perayaan bagi perjalanan dari Lembah Klang menuju ke utara Semenanjung dan sebaliknya.

Jajaran WCE Seksyen 8: Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan kini dibuka kepada orang ramai selewatnya bermula jam 6.00 petang pada 31 Mei 2019. Jajaran pertama lebuhraya WCE yang dibuka kepada orang awam ini juga tidak akan dikenakan bayaran tol sehingga pihak Kerajaan membuat keputusan berkenaan polisi pengenaan tol serta kadar tol bagi lebuhraya tersebut.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi pengurusan kawalan trafik dan papan tanda yang disediakan semasa melalui plaza tol terlibat bagi memastikan perjalanan yang lancar dan selamat.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**31 MEI 2019**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my